



SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Kami : MPC.100-14/1/23

Tarikh : 26 April 2021

WSP ENGINEERING MALAYSIA SDN. BHD.

Unit B-23-3A, Level 23, Tower B

Menara UOA Bangsar

No.5, Jalan Bangsar Utama 1

59000 Kuala Lumpur

Tel: 03-2295 7800

(U/P: En. Wee Joon Keat)

PELANTIKAN PEMBEKAL SECARA RUNDINGAN TERUS (eGPA) KEPADA WSP ENGINEERING MALAYSIA SDN. BHD. BAGI PROGRAM PENILAIAN KESEDIAAN INDUSTRY4WRD (INDUSTRY4WRD READINESS ASSESSMENT-RA) 2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju melantik WSP Engineering Malaysia Sdn. Bhd. bagi melaksanakan perkhidmatan Penilaian Kesediaan Industry4wrd (Industry4wrd Readiness Assesment - RA) 2021 dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sembilan Puluh Lapan Ribu Sahaja (RM 198,000.00).**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebut harga oleh pihak tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan (**Lampiran A1: tidak termasuk 6% SST**).

3. Setelah arahan dikeluarkan oleh MPC, tuan dikehendaki melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan dan mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**.

4. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

(a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;

(b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;

(c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (misrepresentation) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;

(d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;

(e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses rundingan terus sehingga dokumen kontrak ditandatangani;

(f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;

(g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;

(h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen rundingan terus;

(i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;

(j) syarikat tuan digulungkan;

(k) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan;

(l) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau

(m) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 5, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

7. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini **salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna** oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi 7 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat

ini terbatal dan MPC tidaklah dengan apa-apa jua bertanggung terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN
YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT**


Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC.100-14/1/23 bertarikh 26 April 2021 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung Surat ini telah dikenakan.



.....
Tandatangan Perunding

Nama Penuh: KARTHEGASEN NAKULAN
No. Kad Pengenalan: 751122-01-6463
Alamat: B-23-3A, LEVEL 23, TOWER B,
MENARA UOA BANGSAR,
NO.5, JALAN BANGSAR UTAMA 1,
59200 KUALA LUMPUR

Tarikh: 3/5/2021



.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh: WEE JOON KEAT
No. Kad Pengenalan: 840728-05-5189
Alamat: B-23-3A, LEVEL 23, TOWER B,
MENARA UOA BANGSAR,
NO.5, JALAN BANGSAR UTAMA 1,
59200 KUALA LUMPUR

Tarikh: 3/5/2021

Meterai atau Cop Perunding



Tarikh:

**potong mana yang tidak berkenaan*

1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

- 1.1 No. Pendaftaran : 1023737 A
- 1.2 Tempoh Sah Laku : Berdaftar pada 7/11/2012

2. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)**

- 2.1 No. Pendaftaran : 465-0002045259 & 357-0002335648
- 2.2 Tempoh Sah Laku : (22/04/2021 - 26/05/2024) & (02/04/2021 - 01/04/2024)
- 2.3 Kod Bidang : (330101, 330102, 330103, 330104) & (222704)
- 2.4 Taraf Syarikat : Syarikat Berhad Menurut Syer / Sendirian
- 2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : -

3. **Harga dan Tempoh Kontrak**

- 3.1 Harga Kontrak : RM 198,000.00
- 3.2 Tempoh Kontrak : 8 Bulan
- 3.3 Tarikh Mula Kontrak : 1 Mei 2021
- 3.4 Tarikh Tamat Kontrak : 31 Disember 2021

4. **Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan**

*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

*Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC

5. **Bon Pelaksanaan**

(*diisi oleh pihak MPC)

- 5.1 Kadar Bon Pelaksanaan :
- 5.2 Formula Bon Pelaksanaan :
- 5.3 Nilai Bon Pelaksanaan :

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

**PELANTIKAN PEMBEKAL SECARA RUNDINGAN TERUS (eGPA) KEPADA
WSP ENGINEERING MALAYSIA SDN. BHD. BAGI PROGRAM PENILAIAN
KESEDIAAN INDUSTRY4WRD (INDUSTRY4WRD READINESS
ASSESSMENT-RA) 2021**


Saya, KARTHEGASEN NAKULAN nombor K.P. 751122-01-6463 yang mewakili
WSP ENGINEERING MALAYSIA SDN BHD. (nama syarikat) nombor pendaftaran
(~~MOF/CIDB/SSM~~) 1023737 A dengan ini mengisytiharkan bahawa
saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA atau mana-mana individu lain, sebagai
ganjaran untuk dipilih dalam *sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini
dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat
di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu
dalam PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (nama kementerian/agensi) atau mana-mana
individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas,
maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas;
atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada
saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai
ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji
akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang
berhampiran.

Yang Benar,


.....
(Nama dan No. KP) Cop Syarikat : WSP ENGINEERING MALAYSIA SDN BHD

KARTHEGASEN NAKULAN
OPERATIONS DIRECTOR



Catatan:

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya..... KARTHEGASEN A/L NAKULAN @ NAGULAN..... nombor kad pengenalan
751122-01-6463..... yang mewakili syarikat WSP ENGINEERING MALAYSIA SDN BHD
nombor pendaftaran..... 1023737 A..... (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya
dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan)
sebenar-benarnya diakui oleh)
KARTHEGASEN A/L NAKULAN)
di KUALA LUMPUR)
pada 03 MAY 2021)

Tandatangan.....

Di hadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah

Catatan:

i. *Potong mana yang tidak berkenaan.

ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.



No. 10-1, Jalan Bangsar Utama 1,
Bangsar Utama,
59000 Kuala Lumpur.